

49.8 peratus responden di sekolah menengah alami masalah mental ringan

NST 27.09.2012 2

KOTA KINABALU: Hasil penyelidikan terkini yang dijalankan oleh Pusat Pengajian Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) 49.8 peratus responden di sekolah menengah mengalami masalah mental yang ringan.

Naib Canselornya Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata sebagai satu-satunya Pusat Pengajian Psikologi di Malaysia,

fakulti itu menghadapi cabaran untuk membabitkan diri dalam pembangunan komuniti.

Sementara itu Dr Mohd Harun berkata UMS menyasarkan untuk muncul sebagai pusat global dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Katanya, misi itu seiring dengan pembangunan negara dan permintaan pasaran

sekarang.

Sehubungan itu, Persidangan Psikologi Asia Tenggara yang diadakan ini adalah kena pada masanya kerana dapat membuka peluang kerjasama antara UMS menerusi Pusat Pengajian Psikologi dan Kerja Sosial, terutama dengan ilmuan antarabangsa dari segi penyelidikan dalam bidang psikologi, katanya berucap merasmikan persidangan

itu, di sini kelmarin.

"Saya percaya dalam meneliti tingkah laku manusia, adalah amat penting untuk menumpukan kepada aspek amali dan bukan teori semata-mata.

"Menerusi pembabitian ini, saya percaya pusat pengajian ini akan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi komuniti," katanya.